

# Binaan bangunan MRT2 diarah berhenti

**KUALA LUMPUR 5 Mac** -

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Wilayah Persekutuan telah mengarahkan kontraktor yang bertanggungjawab dalam pembinaan bangunan landasan Transit Aliran Massa 2 (MRT2) Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT SSP) di Jinjang dihentikan segera bagi menjalankan siasatan

lanjut berikutan kematian seorang pekerja selepas gelangar gantri di tapak pembinaan itu menggelongsor sebelum jatuh.

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Wilayah Persekutuan, **Husdin Che Amat** berkata, arahan itu dibuat bagi mengelakkan bukti-bukti tidak diganggu sepanjang proses siasatan dijalankan.

"Arahan penutupan sementara operasi berkenaan adalah mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kementerian dan kerja-kerja pembinaan akan disambung semula selepas semua siasatan selesai sepenuhnya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.



**HUSDIN CHE AMAT**

Kelmarin, seorang pekerja, Mohd. Firdaus Abd. Talib, 41, meninggal dunia di tempat kejadian apabila gelangar gantri yang dikendalikan di tapak pembinaan menggelongsor sebelum terjatuh.

Menurut Husdin, dalam kejadian itu, DOSH menerima maklumat mangsa yang meninggal dunia dilaporkan jatuh dari ketinggian 12 meter, manakala dua lagi pekerja yang terselamat tetapi terpaksa dikejarkan ke Hospital Selayang untuk rawatan lanjut.

"Kesalahan itu disiasat di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (kendalian bangunan dan kerja kejuruteraan (keselamatan) 1986 dan Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu boleh dikenakan denda sebanyak RM50,000 atau penjara atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan," jelasnya.



**LAW TEIK HUA**

Sementara itu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Law Teik Hua** menggesa semua syarikat pembinaan mengambil berat dan meningkatkan soal keselamatan kepada semua pekerja termasuk warga asing.

Beliau berkata, ini bagi memastikan keadaan selamat terutama buruh warga asing berikutan banyak kemalangan dilaporkan melibatkan golongan berkenaan sejak kebelakangan ini.

"Kebanyakan pekerja asing tidak didedahkan dengan aspek keselamatan berikutan faktor sering bertukar kerja," katanya.